

GARIS PANDUAN BAGI PERTUKARAN NAMA SYARIKAT ASING SEKSYEN 567(1) AKTA SYARIKAT 2016

Syarikat asing boleh menukar namanya di Malaysia kepada nama yang lain untuk menunjukkan pertukaran nama yang telah dibuat di negara asal. Hanya ejen yang dilantik secara rasmi dibenarkan membuat permohonan pertukaran nama 1yarikat.

PROSEDUR PERMOHONAN PERTUKARAN NAMA

1. Permohonan dan Perizaban Ketersediaan Nama Syarikat

Pemohon dikehendaki mengemukakan borang Seksyen 27(1) & (4), Akta Syarikat 2016 (AS 2016) '*Availability of Company's Name*' melalui portal MyCoID.

Setelah nama yang dimohon diluluskan dan masih dalam tempoh masa perizaban, pemohon perlu menyerahkan simpan salinan cetakan permohonan pertukaran nama di mana-mana kaunter SSM yang berdekatan sama ada di Ibu Pejabat, pejabat negeri atau cawangan (tidak termasuk UTC).

2. Dokumen-dokumen Permohonan Pertukaran Nama adalah seperti berikut:-

- a. Borang Seksyen 567(1) AS 2016 '*Particulars of Change or Alteration relating to Foreign Company*';
- b. Borang Seksyen 27(1) & (4) AS 2016 '*Availability of Company's Name*';
- c. Cetakan emel notifikasi kelulusan dan perizaban nama syarikat;
- d. Bayaran fi adalah RM250.

PAUTAN UNTUK MUAT TURUN BORANG

Borang Seksyen 567(1) AS 2016 *Particulars of Change or Alteration relating to Foreign Company* boleh diakses dan dimuat turun di:

[‘https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Document/s%20567%20fa.pdf’](https://www.ssm.com.my/Pages/Legal_Framework/Document/s%20567%20fa.pdf)

PIAGAM PELANGGAN

Permohonan lengkap yang diserahkan bersama bayaran fi akan diproses dalam tempoh satu (1) hari bekerja.

VERIFIKASI PERMOHONAN

SEKIRANYA PERMOHONAN DILULUSKAN

Pemohon perlu mengambil dokumen berikut di kaunter SSM (pejabat yang sama), dengan mengemukakan resit bayaran:

- Notis pertukaran nama
- Surat kelulusan

SEKIRANYA PERMOHONAN DIKUERI

Pemohon perlu hadir semula ke kaunter (pejabat yang sama) untuk mengambil semula salinan permohonan serta surat kuiri dengan mengemukakan resit bayaran. Permohonan yang telah dilengkapi semula hendaklah diserahkan kembali ke kaunter untuk diproses mengikut Piagam Pelanggan.